

Tidak benar tahanan ISA didera seperti di Abu Gharib — PM

PUTRAJAYA 18 Mei - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menegaskan bahawa dakwaan tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) didera seperti tahanan di penjara Abu Gharib, Iraq adalah tidak benar sama sekali.

Perdana Menteri yang menyifatkan dakwaan itu sebagai 'nakal' berkata, mereka membuat dakwaan itu tidak sepatutnya membuat tuduhan sesuka hati, sebaliknya wajar memberi bukti-bukti kukuh kepada kerajaan untuk diambil tindakan sekiranya ia benar-benar berlaku.

"Setakat ini saya tak pernah dengar apa-apa yang spesifik seperti kekejaman yang berlaku di Abu Gharib, tidak ada di sana berani kata tidak akan berlaku penderaan tahanan seperti yang berlaku di sana.

"Tentulah tuduhan itu tuduhan yang berat tetapi itu bukanlah sesuatu yang kita lakukan.

"Tetapi kalau mereka ada sesuatu yang spesifik, yang mereka benar-benar tahu, cakaplah betul-betul dan tidak payahlah buat tuduhan rambang kerana kita pun sukar hendak ambil tindakan," tegasnya.

Beliau yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri perhimpunan bulanan kakitangan kementerian itu dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Hal Ehwal dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid.

Perdana Menteri mengulas laporan media asing mengenai dakwaan beberapa tahanan ISA yang disyaki ahli-ahli Jemaah Islamiah mengemukakan aduan kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) bahawa mereka kerap



ABDULLAH AHMAD BADAWI menyampaikan sumbangan daripada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri kepada Presf8en Mercy Malaysia, Datuk Dr. Jemilah Mahmood pada majlis perhimpunan bulanan kementerian itu di Putrajaya, semalam. Turut hadir, Azmi Khalid.

dipukul dan didera secara seksual seperti yang berlaku di Abu Gharib sewaktu disoal siasat oleh polis.

Mengenai mesyuarat satu jawatankuasa

yang bertanggungjawab mengenal pasti bidang kerjasama Malaysia-Thailand bagi menangani keganasan di wilayah selatan negara itu, Abdullah berkata, ia mungkin diadakan pada minggu depan.

"Saya telah bersetuju untuk memengerusikan mesyuarat yang akan dihadiri oleh wakil beberapa agensi yang akan terlibat dalam bidang kerjasama yang telah dipersetujui oleh Thailand dan kita semasa (Timbalan Perdana Menteri) Datuk Seri Najib Tun Razak membuat lawatan ke Bangkok baru-baru ini.

"Saya sudah beritahu Najib, saya akan buat secepat mungkin, mungkin menjelang minggu depan.

"Ia adalah untuk menyahut harapan Thailand yang mahu kita membuat sesuatu di selatan negara itu, jadi perlulah kita sama-sama tetapkan tugas kita supaya nanti bila dilaksanakan ia tidak menimbulkan pertelingkahan atau apa-apa masalah," katanya.

Pada pertemuan antara Najib dengan Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra di Bangkok pada 4 Mei lalu, Malaysia bersetuju untuk membantu menangani pergolakan di wilayah selatan negara itu termasuk menawarkan kepakaran dan pengalaman menghadapi ancaman militan dan fahaman ekstremis.

Dalam pergolakan selatan Thailand pada 28 April lepas, sebanyak 107 orang disyaki militan serta lima anggota polis terkorban selepas kumpulan berkenaan melancarkan serangan terhadap 15 balai polis dan pos keselamatan di wilayah Pattani, Yala dan Songkhla.

Mengenai laporan bahawa kerajaan junta Myanmar sedang merangka perlembagaan negara itu tanpa penglibatan Aung San Suu Kyi, Abdullah berkata, beliau akan mendapatkan penerangan lanjut daripada Perdana Menteri negara itu, Khin Nyunt.

"Wisma Putra memberitahu saya Khin Nyunt akan datang tidak lama lagi, saya akan tanya dia," jawabnya ringkas.